HM
30/9/15

Menteri sedia bincang tangani wabak anjing gila

Ipoh: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersedia bertemu dan berbincang dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berhubung isu memusnahkan anjing liar yang menghidap penyakit anjing gila atau rabies di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pihaknya memahami keresahan beberapa pihak, khususnya NGO pencinta haiwan terhadap usaha kerajaan mengawal wabak itu serta bersedia berkongsi pandangan bagi menangani isu berkenaan.

"Saya bersedia menjadi orang tengah bagi mengatur pertemuan NGO dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mengenal pasti kaedah yang berkesan untuk mengatasi perkara ini.

"Saya bersetuju berbuat demikian kerana saya berpegang kepada prinsip kerajaan yang baik adalah kerajaan yang sedia mendengar pendapat dan pilihan lain," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-39 Pertubuhan Peladang Negeri Perak, di sini, semalam.

Ahmad Shabery berkata, ramai dalam NGO diakui mampu menyuarakan pandangan dan pendapat masing-masing dalam usaha mencegah penularan wabak yang kini melanda tiga negeri iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

AHMAD Shabery

"Sekiranya ada cara lain lebih baik diamalkan dalam dunia sekarang, saya sedia untuk mendengar pandangan itu.

"Apapun, asasnya ialah kepentingan rakyat daripada dijangkiti wabak berkenaan perlu dijaga dan diutamakan," katanya.

Mengenai isu kekurangan vaksin di tiga negeri berkaitan, Ahmad Shabery berkata, ia sudah diselesaikan kerana Jabatan Perkhidmatan Veterinar sudah mengarahkan negeri lain menyerahkan vaksin milik mereka ke tiga negeri di utara tanah air itu.

Katanya, sebagai bekalan tambahan, pihaknya turut memesan 50,000 vaksin daripada Pusat Vaksin Rabies Dunia yang berpangkalan di Paris, Perancis untuk dihantar ke negara ini dan dijangka bilangan itu mencukupi.

"Sebagai langkah pencegahan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar sudah memperketatkan pemantauan di pintu sempadan negara bagi melakukan saringan dan kuarantin terhadap semua anjing yang dibawa dari luar negara," katanya.